"Berdoalah, nescaya akan Aku kabulkan

MIKROSKOP HATI

05 JUN 2011 | Ahad | Bil 16 | MH online.

Doa ms1

ms2 Doa & Harapan

DOA ialah pengharapan seseorang untuk mendapatkan kebaikan daripada Allah s.w.t dengan memohon secara langsung kepada-Nya. Setiap individu mempunyai keperluan dan keinginan masing-masing sama ada secara baik atau buruk.Untuk lebih fokus,mari kita kaitkan dengan keadaan kita saat ini,Kita akan menerima keputusan semester 2 sedikit masa lagi.Setelah berpenat-penat berusaha dengan gigih,tiada apa lagi dapat dilakukan selain doa agar diberikan keputusan cemerlang.Terdapat banyak peringatan dari Allah dan Rasul-Nya akan kepentingan doa.Antaranya,di dalam Al-quran yang menjadi topik pilihan MH minggu ini,telah disebutkan bahawa:

Apabila hamba-hambaKu bertanya engkau tentang ZatKu, maka (katakanlah) Aku amat hampir, sentiasa memperkenankan permohonan orang yang bermohon ketika bermohon kepadaKu. Oleh kerana itu, hendaklah mereka berkenaan memohon kepadaKu." (al-Baqarah: 186)

Dan Tuhan kamu telah berfirman: Mohonlah kepadaKu niscaya Aku memperkenankan permohonan kamu." (al-Mu'minun: 60)

Justeru itu,berdoalah kita kepada Allah dengan sepenuh keyakinan bahawa Allah akan mendengar doa kita,sesuai dengan janji Allah:

Dari Bukhari, Muslim, Tirmidhi dan Ibn Majah, diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a: Rasulullah s.a.w bersabda: "Allah s.w.t berfirman: Aku adalah berdasarkan kepada sangkaan hambaKu terhadapKu. Aku bersamanya ketika dia mengingatiKu. Apabila dia mengingatiKu dalam dirinya, nescaya aku juga akan mengingatinya dalam diriKu.

Tanamkan keyakinan dalam hati bahawa Allah itu sentiasa ada untuk menolong kita dalam apa jua rintangan hidup.

Adab-adab berdoa

Di dalam **Kitab Fiqhus-Sunnah** karya *Sayid Sabiq* dan juga
Kitab Ihyaa 'Ulumiddiin, dijelaskan bahwa di antara adab-adab dalam berdoa adalah:

1.Dengan hati yang merunduk dan penuh rasa takut kepada Allah (Q.S. Al-A'raf : 55).
2.Dengan suara yang lembut, di antara tidak berbunyi dengan suara keras (Q.S. Al-Isra : 110; Q.S. Maryam : 3).
3.Menghadap Allah dengan isi perut dan pakaian yang halal

Justeru kawan-kawan,marilah kita manfaatkan masa yang ada sebelum keputusan keluar untuk berdoa sepenuh hati kepada Allah .Jangan lupa juga berdoa akan kelancaran perjalanan kita dalam menuntut ilmu di masa akan dating..Jazakallah- MH

Cuba bayangkan semasa kita berhadapan dengan Allah, berdoa kepadaNya memohon sesuatu, pasti saat itu kita mengharapkan Allah memakbulkan doa kita serta-merta. Tetapi, Allah Maha Mengetahui. Sesungguhnya, ada tiga golongan manusia yang berdoa kepadaNya, iaitu;

1) Ada golongan yang meminta sesuatu dan akhirnya terus dimakbulkan, maka bergembiralah mereka.

2) Ada golongan yang juga meminta sesuatu, akan tetapi Allah memberikan kepadanya sesuatu yang lain.

3) Ada golongan manusia juga yang meminta sesuatu, akan tetapi setelah sekian lama berdoa, masih juga belum dimakbulkan olehNya.

Pasti golongan manusia yang ketiga itu terkadang memikirkan Allah mengabaikan mereka, Sedangkan Allah Maha Mengetahui, sedarkah mereka? Allah pasti menjadikan sesuatu dengan hikmahNya tersendiri.

Yakinlah denganNya, dengan janji-janjiNya, dengan bantuan-bantuanNya juga. Terkadang, selepas kita sudah berusaha dengan sungguh-sungguh, sama ada dalam hal pelajaran ataupun dalam menentukan sesuatu keputusan, tetapi hasilnya agak kurang memuaskan. Mudahnya kita kecewa selepas itu. Terkadang juga laju sahaja mulut menyalahkan ketentuan Ilahi, hingga mampu mencaci Allah. Na'uzubillah. Sedarkah kita hanya menunjukkan kebodohan diri sendiri di hadapanNya? Kita hanya hambaNya yang lemah dan hina, yang Dia uji untuk lihat tahap kesabaran kita. Sedarkah kita semua?

Allah telah berfirman kepada para malaikat, ” Aku ingin manjadikan seorang khalifah di bumi.”

Malaikat berkata, ” Mengapa Kau hendak jadikan khalifah di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau?”

Allah berfirman lagi, ” Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.” –Al-Baqarah:30

Allah juga berfirman dlm surah al-Ghafir: 60, ” Berdoalah kepadaKu, nescaya akan Aku perkenankan bagimu. Sesungguhnya orang yang sombong tidak mahu menyembahKu akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina dina.”

Jelas dan nyata dalil-dalil dari al-Quran membuktikan keagunganNya, Dapat juga kita kaitkan di sini doa dan sabar itu adalah penentu kebahagiaan hidup kita. Andai kita sudah berdoa dgn penuh keyakinan, maka lambat atau cepat doa itu dimakbulkan tidak akan menjadi tanda persoalan dalam hati kita, kita akan sentiasa sabar dalam apa jua keadaan.

HARAPAN

Sejak azalinya, kita harus hanya mengharap kepadaNya. Namun, hati itu rapuh, serapuh dahan pokok yang sudah hidup berates-ratus tahun. Terkadang ingin mengharap kepada manusia juga, terkadang mengharap sesuatu yang tidak bernyawa seperti diari, blog untuk merasakan apa yang kita rasa. Segala luahan

hati terkadang ingin dizahirkan, ingin berkongsi, namun, terkadang apabila ingin bercerita, ada yang tidak ingin mendengar. Maka saat itu baru kita kembali mengharap kepadaNya. Adilkah buatNya?

Harapan sangat akrab jalinannya dengan Iman. Maka, apa khabar iman kita hari ini? Adakah makin meningkat, atau masih kekal di takuk yang sama ataupun semakin berkurang?

Iman itu ada 70 cabang, dan setiap cabang itu ada lagi pecahan-pecahannya. Maka, cubalah untuk beramal dengan setiap satunya.

Satu situasi, pada satu hari datang seorang kawan yang datang dengan penuh harapan dan ingin meminta tolong kita, kita sebagai kawan pasti ingin tolong, andai benar kita sahabat sejati. Dia pun bercerita apa yang dia nak kita tolong, tapi pada saat itu, apa yang dia minta itu sangat susah untuk ditunaikan, dalam lain kata kita tidak berkemampuan nak tunaikan, maka saat itu kita pasti mengharap Dia akan membantu kita kan? Saat ini jugalah kita patut bedah hati kita, tinggi manakah Iman kita? Setandingkah dengan apa yang ingin kita harapkan padaNya? Layakkah kita mengharap kepadaNya andai kata saat itu Iman kita hanya sedikit? Tetapip, pernahkah kita terfikir, Allah mungkin tidak memandang Iman kita saat itu. mungkin saat itu Allah ingin uji tahap keikhlasan kita pula?

Ketahuilah! Ikhlas juga salah satu cabang kpd Iman. Muhasabahlah diri kita kawan-kawan!! Allah Maha Adil– MH

BERDOALAH



Assalamualaikum, Alhamdulillah, dapat lagi kita berkongsi ilmu di ruangan MH | online ini. Selawat dan Salam ke atas Junjungan Tercinta Nabi Muhammad S.A.W.

"Dan Tuhanmu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohanan kamu."

Berdoa, amalan biasa yang kita lakukan selepas solat. Namun, apa yang sebenarnya kita doakan. Berikut adalah perkara-perkara yang mesti kita titik beratkan agar doa kita tidak member kesan kepada diri kita sahaja tetapi mampu mengubah dunia dan menempah tiket ke syurga.

Berdoalah untuk Hidayah

Solat kita, puasa kita, sedekah kita, semuanya bukan satu jaminan untuk kita tidak melakukan maksiat dan menyempang dari jalan Allah. Memang benar, solat jika diamalkan akan mencegah seseorang dari melakukan kemungkaran. Akan tetapi, kita sememangnya tidak dapat mengagak sejauh mana berkualitinya solat kita itu. Kejahilan inilah yang mewajibkan kita untuk memohon kepada Allah agar sentiasa memberikan kita hidayah-Nya agar kita kekal mendapat reda Allah S.W.T.

Berdoalah untuk Ibu bapa

Ibu bapa, jika mereka masih ada, maka itulah pengubat hati mereka, jika mereka sudah tiada, maka itulah yang dapat menyelamatkan mereka daripada azab seksa.

Berdoalah untuk saudara kita

Sungguh doa itu adalah senjata bagi Umat Islam. Apa lagi kelebihan yang kita ada selain Iman, Islam dan pergantungan kita kepada Allah ? Sudah tentu tiada bukan. Jika kita mempunyai teknologi, musuh juga mempunyai teknologi, bahkan pasti lebih canggih. Namun, kuantiti mereka dan kualiti teknologi mereka bukanlah penentu mutlak sesuatu perkara. Lihatlah saudara kita di Palestin, di Yaman. Jika dulu, jika nama sesebuah Negara terpampang di dada akhbar, itu bermakna Negara tersebut makmur dan banyak menempa jaya, sekarang, jika nama sesebuah Negara menjadi berita utama, itu bermakna Negara tersebut dalam keadaan huru-hara. Kini, keamanan ibarat kisah dongeng di Palestin. Maka berdoalah, dan berdoalah dan berdoalah untuk saudara seakidah kita bukan saja di Palestin bahkan di serata dunia.

Berdoalah agar kezaliman itu tiada

Zalim berasal dari perkataan Arab iaitu zulmun. Zulmun sendiri berasal dari kata kerja zhalama-yazhlimu-zhulman-mazhlimatan, yang makna dasarnya adalah meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya. Secara terminologis, dalam ucapan Ibn az-Zimal dikatakan, "*Lazimu ath-tharîq falam yazhlimûhu ay lam ya'dilu 'anhu* (Mereka menyusuri jalan hingga tidak menyimpang darinya atau tidak melampauinya).

Umunya, zalim ini amat dekat dengan fitnah. Kita menganggap bahawa fitnah ini berkaitan dengan tuduhan tanpa bukti atau mereka-reka cerita sahaja, hakikatnya, fitnah itu mempunyai skop definisi yang lebih luas iaitu keadaan huru-hara, maksiat yang berleluasa dan keadaan-keadaan yang mendatangkan lebih banyak keburukan berbanding kebaikan. Lihat sahaja keadaan masyarakat kita sekarang. Tatkala kita sebagai manusia bertindak zalim dengan tidak mentadbir dunia dengan Islam, tatkala itu juga berlakunya fitnah-fitnah berupa kerosakan akhlak manusia, bencana alam dan lain-lain. Maka , berdoalah dan berdoalah, dan berdoalah agar kezaliman itu hanya tinggal cerita, agar fitnah itu tidak alah bisa, tegal biasa.– MH

Pendatang **Zionis** aniayai guru wanita Palestin.

Jumaat, 03/06/2011 - Sekumpulan pendatang haram Zionis-Israel telah menganiyai seorang guru wanita rakyat Palestin. Guru itu tiba-tiba ditarik tangannya dan dipukul oleh kumpulan pendatang Zionis itu. Tidak lama kemudian, sekumpulan rakyat Palestin segera membantu dan menyelamatkan guru itu. Kejadian seperti ini semakin kerap apabila bertambahnya penempatan haram Yahudi.- PK

Ya Allah,
Sesungguhnya kami meletakkan-Mu di batang-batang leher musuh2 kami
Dan kami berlindung dengan-Mu daripada kejahatan2 mereka
Ya Allah,
Leburkanlah kumpulan2 mereka
Pecah belahkan dan kacau bilaukan per-satuan mereka
Goncangkan pendirian mereka
Dan hantarkanlah anjing2 kamu kepada mereka
Wahai tuhan yang gagah perkasa Wahai tuhan yang penuh raksasa
Wahai tuhan yang bersifat murka
Ya allah Ya allah Ya allah Ya allah,
Wahai tuhan yang menurunkan kitab,
Wahai tuhan yang mengarakkan awan
Wahai tuhan yang menewaskan bala ten-tera al-ahzab
Kalahkan mereka Kalahkan mereka
Kalahkan mereka Dan menangkan kami ke atas mereka.